

## MESYUARAT AGUNG PIBG KVDLM KALI KE-30

Ditulis oleh Administrator

Isnin, 05 Mac 2018 02:22 - Terakhir Dikemaskini Isnin, 05 Mac 2018 03:15

---



Barisan AJK PIBG bagi sesi 2016/2017 yang baru dilantik.

Mesyuarat Agung PIBG telah diadakan pada hari Jumaat, 2 Mac 2018 yang lalu. Mesyuarat ini adalah merupakan agenda tahunan kolej bagi memilih barisan kepimpinan baru badan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bagi sesi 2018/2019. Organisasi ini merupakan badan sokongan utama kolej dalam merangka agenda-agenda bagi mereliasasikan kecemerlangan pelajar baik dalam bidang kurikulum ataupun kokurikulum,

Tetamu jemputan semasa majlis adalah Dr Mohd Norfaizal bin Ghazali, Pegawai Penyelidik MARDI Serdang. Beliau telah menyampaikan ucapan dan melancarkan gimik penyerahan pokok Ceri Terengganu kepada Pn Hj Minah binti Ahmad, Pengarah KVDLM sebagai tanda bermulanya detik hubungan antara KVDLM dengan MARDI. Pokok ceri Terengganu ini adalah termasuk dalam Pokok Buah Nadir. Dengan erti kata lain pokok buah nadir ini merupakan pokok buah hutan yang boleh dikategorikan pokok buah ezotik yang terdapat dalam hutan negara kita. Keistimewaan pokok ceri ini boleh melambatkan penuaan dan boleh menurunkan berat badan. Negara Jepun dan Thailand telah ke hadapan sedang mengusahakan projek penanaman pokok ini.



# MESYUARAT AGUNG PIBG KVDLM KALI KE-30

Ditulis oleh Administrator

Isnin, 05 Mac 2018 02:22 - Terakhir Dikemaskini Isnin, 05 Mac 2018 03:15

---

